

15/04/1999

Anwar dakwa mangsa konspirasi politik

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dihukum penjara enam tahun berkuatkuasa hari ini, mendakwa tuduhan yang dikenakan ke atasnya adalah satu konspirasi politik bagi menjatuhkannya.

Sehubungan itu, katanya, dari awal lagi beliau tahu bahawa beliau tidak akan mendapat perbicaraan adil.

"Tuduhan ini adalah sebahagian daripada konspirasi politik bagi menjatuhkan saya dan pastikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus berkuasa dengan apa cara sekalipun, walaupun mengorbankan maruah kehakiman.

"Kamu letak jawatan atau saya dakwa kamu? Itulah kata dua yang diberikan Perdana Menteri pada pagi 2 September 1998. Bukankah itu rasuah? Perdana Menteri menggunakan sistem kehakiman sebagai alat untuk mengenakan tekanan politik," katanya.

Anwar membacakan kenyataan lima muka surat daripada dalam kandang tertuduh bagi merayu mengurangkan hukuman penjara yang akan dijatuhkan oleh Hakim Datuk S Augustine Paul.

Paul memberi kebenaran kepada Anwar untuk membuat rayuan sendiri selepas peguam bela Raja Aziz Addruse memberitahu mahkamah anak guamnya tidak memberi sebarang arahan untuk beliau membuat rayuan bagi Anwar.

"Semua jentera kerajaan termasuk pejabat Peguam Negara, polis dan badan kehakiman berada di bawah telunjuk Perdana Menteri," katanya.

Beliau mendakwa tuduhan rasuah ke atasnya itu dibuat kerana beliau menentang rasuah, salah guna kuasa, kronisme dan nepotisme.

Katanya, Peguam Negara tidak mengemukakan sebarang bukti yang beliau menggunakan kedudukannya untuk mengkayakan dirinnya dan ahli keluarga beliau.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri sendiri melakukan rasuah apabila mengarahkan Petronas menyelamatkan Konsortium Perkapalan, syarikat milik Mirzan Mahathir.

"Saya dikenakan hukuman yang sungguh teruk. Ia amat memalukan," katanya.

Anwar berkata beliau tidak menyesal untuk berkorban bagi membolehkan orang ramai mengetahui keperluan pembaharuan kepada pasukan polis, pejabat Peguam Negara dan badan kehakiman.

Apabila Anwar selesai membaca rayuannya, beberapa anggota keluarga dan orang ramai bertepuk tangan dan melaungkan 'Allahu Akbar'.

(END)